



## Hukumnya Menurut Mazhab Hanafi

Mazhab al-Imām Abū Ḥanifah (Hanafi) memandang kufu dalam perkahwinan: ialah persamaan taraf di antara seorang lelaki dan seorang perempuan di dalam beberapa perkara yang tertentu seperti di bawah ini:

1. Nasab keturunan
2. Islam
3. Pekerjaan
4. Kemerdekaan (bukan hamba)
5. Keagamaan (orang yang soleh dan fasiq) dan
6. Kekayaan

## Hukum Kufu

### Di dalam mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah

Encik Ahmad Bin Muhammad Amin, Klang, Selangor, bertanya: baharu-baharu ini telah ribut di dalam surat khabar mengenai gelaran Syed dan dengannya timbul pula perkara kahwin dengan Sharifah. Kerana perkara perkahwinan itu mengenai agama dan orang-orang yang berkenaan, penduduk Tanah Melayu ini pemeluk mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, sukacita benar saya kiranya tuan dapat memberi penjelasan atas perkara “kufu” dalam perkahwinan seperti yang ada dan yang telah dibuat itu. Adakah hukum-hukum Islam telah menentukan persoalan “kufu”? Harap kiranya beri pandangan berdasarkan pengertian empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Jawab: bagi orang-orang yang menyelidiki tentang kufu itu sebenarnya jelas ada. Kufu (bunyiya: *Kūfū*) itu ertinya: Persamaan taraf di antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang hendak berkahwin. Tiap-tiap seorang perempuan yang hendak berkahwin, dengan seorang lelaki itu, ia perempuan itu) dan walinya berhak menentukan hak-haknya di dalam menerima seseorang jadi suami.

Di dalam islam telah pun ditetapkan oleh ulama-ulama Islam, dalam mazhab yang empat, mengenai perkara itu. di dalam kitab Al-Fiqh *‘Ala al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Hukum Fiqh Menurut Empat Mazhab) huraian mengenai in dihuraikan dengan panjang lebar. Untuk perhatian di sini hanya dibawa patinya sahaja supaya memudahkan kita memerhatinya.

**Kufu dalam nasab keturunan:** Menurut pengertian mazhab ini, manusia itu terbahagi kepada dua: Orang Arab dan bukan Arab. Bangsa Arab ini pula terbahagi kepada dua: Orang Quraysh dan bukan Quraysh. Kalau perempuan itu daripada suku Quraysh maka lelaki yang hendak berkahwin itu hendaklah daripada suku Quraysh juga. Kalau perempuan itu dari bangsa Arab yang bukan Quraysh maka ia sekufulah dengan sebarang lelaki Arab yang bukan Quraysh.

Dengan ketetapan yang tersebut, menurut Mazhab Hanafi, lelaki yang bukan berbangsa Arab adalah tidak sekufu dengan perempuan Arab dari suku Quraysh dan dengan perempuan Arab yang bukan daripada suku Quraysh. Demikian pula halnya lelaki Arab yang bukan daripada suku Quraysh tidak sekufu dengan perempuan Arab dari suku Quraysh.

### Kufu Sesama Islam dan Sesama Merdeka:

Perempuan-perempuan yang mempunyai nenek moyang di dalam Islam adalah sekufu dengan lelaki Arab yang hanya bapanya sahaja Islam (walaupun datuk dan moyangnya bukan orang Islam).

Orang-orang yang bukan Arab adalah sekufu sesama sendiri: Tetapi mereka mempunyai kedudukan yang

berlainan-berlainan menurut agama dan kemerdekaan. Umpamanya: seorang Islam yang bapanya kafir tidak sekufu dengan perempuan Islam yang bapanya Islam. Demikian juga lelaki bekas hamba tidak sekufu dengan perempuan yang merdeka, sekalipun ayah perempuan itu bekas hamba, kerana martabat (kedudukan) perempuan itu lebih daripada martabatnya.

Perkara yang tidak ada perselisihan pendapat (tidak ada ikhtilafnya) ialah bahawa orang alim yang bukan Arab lagi fakir adalah sekufu dengan orang Arab yang jahil tetapi kaya, dan sekufu juga dengan Sharifah. Di sini agama menentukan bahawa kemuliaan ilmu adalah lebih tinggi martabatnya daripada kemuliaan nasab keturunan dan kekayaan.

**Kufu dalam pekerjaan:** Pekerjaan keluarga lelaki hendaklah setaraf dengan pekerjaan keluarga perempuan mengikut adat yang berlaku di negeri itu. Misalnya: Pekerjaan tukang jahit dipandang lebih mulia daripada pekerjaan tukang kebun. Dengan itu maka tukang kebun tidak sekufu dengan anak perempuan tukang jahit.

**Kufu dalam kekayaan:** Ulama Ḥanafī berselisih pendapat mengenai dengan kufu kekayaan ini. Setengahnya menetapkan lelaki yang hendak berkahwin itu hendaklah setaraf dalam kekayaan dengan bakal isterinya. Setengah yang lain pula menetapkan: Lelaki itu memadai berkemampuan menyediakan belanja sehari-hari untuk bakal isterinya.

**Kufu keagamaan:** Ulama Ḥanafī menetapkan kufu dalam keagamaan bagi orang-orang yang berbangsa Arab dan orang-orang yang bukan Arab. Kalau lelaki itu fasiq maka tidaklah ia sekufu dengan perempuan yang solehah dan anak orang yang soleh - ertinya kalau perempuan itu orang yang solehah atau ibu bapanya orang-orang yang soleh maka tidaklah ia sekufu dengan lelaki yang fasiq (lelaki yang penzina, peminum arak atau penjudi dan sebagainya).

#### **Hukumnya Menurut Mazhab al-Imām Mālik**

Menurut Mazhab al-Imām Mālik, kufu itu terletak

pada dua perkara:

**Pertama:** Keagamaan, iaitu lelaki itu hendaklah orang Islam dan tidak fasiq (fasiq yang dikehendaknya ialah orang-orang yang diketahui ramai bahawa ia seorang yang melakukan zina, atau peminum arak, atau penjudi dan sebagainya)

**Kedua:** Selamat daripada cacat, seperti berpenyakit kusta, atau gila dan sebagainya.

Dalam perkara yang pertama adalah hak bagi wali mempertahankannya – iaitu wali berhak menegah anaknya (anak gadis) daripada berkahwin dengan seorang lelaki yang fasiq untuk keselamatan anak itu.

Dalam perkara yang kedua pula adalah hak itu terletak atas keredaan perempuan itu sendiri-ertinya terpulung kepadanya, kalau ia suka berkahwin kepada lelaki yang cacat itu.

Dalam pengertian Mazhab al-Imām Mālik, kufu mengenai kekayaan, kemerdekaan, nasab keturunan dan pekerjaan, tidaklah menjadi perkara yang menentukan sah tidaknya nikah itu.

#### **Hukumnya Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī**

Di dalam Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī yang dipakai di tanah air kita ini, perkara kufu ini terhimpun dalam empat perkara:

1. Nasab keturunan
2. Agama
3. Kemerdekaan
4. Pekerjaan

**Kufu dalam nasab keturunan** menurut Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī, manusia itu dibahaginya kepada dua: Arab dan bukan Arab. Bangsa Arab itu pula terbahagi kepada dua lagi: Quraysh dan bukan Quraysh. Orang Quraysh adalah sekufu bagi orang Quraysh, kecuali Banī Hāshim dan Bani al-Muṭallib. Kepada kedua-dua yang akhir disebut itu suku-suku lain tidak sekufu dengan mereka.

Manakala orang Arab yang bukan Quraysh pula tidak

sekufu dengan orang-orang Arab suku Quraysh, tetapi mereka sekufu sesama sendiri. Orang-orang yang bukan Arab pula tidak sekufu dengan orang-orang Arab.

Demikian pula kalau perempuan yang bakal isteri itu keturunan orang yang mulia, mestilah bakal suaminya itu pula keturunan orang yang mulia, baik ia bukan daripada Arab atau pun orang Arab.

Jelasnya kufu itu diakui dan dimestikan: Pertama pada jenis, dengan pengertian bangsa Arab itu satu jenis, dan bangsa yang bukan Arab itu satu jenis. Kemudian bangsa Arab itu terbahagi pula kepada dua: Quraysh dan bukan Quraysh. Orang-orang Arab suku Quraysh lebih afdal daripada orang-orang Arab lainnya.

Orang-orang Arab Quraysh itu pula ada tingkatannya: Iaitu Banī Hāshim dan Bani al-Muṭṭalib lebih afdal daripada suku Quraysh yang lainnya. Apabila perkara kufu ini telah tetap adanya dalam jenis-jenis manusia maka mestilah ada pula pada peribadi bakal isteri itu. Kalau perempuan itu keturunan seorang yang mulia maka bakal suaminya hendaklah keturunan yang mulia itu juga.

Nasab keturunan ini pula diakui adanya dari pihak bapa kecuali keturunan Saiyidatinā Fāṭimah Al-Zahrā' (puteri Rasulullah) *raḍiy Allāhu 'anhā*, maka keturunannya itu ialah keturunan Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam*. Keturunan Saiyidatinā Fāṭimah Al-Zahrā' itu menurut Mazhab Shāfi'ī ialah setinggi-tinggi (semulia-mulia) jenis manusia, dari bangsa Arab dan bangsa-bangsa yang bukan Arab.

**Kufu dalam keagamaan:** Hendaklah bakal suami itu bersamaan solehnya dengan bakal isterinya. Kalau ia fasiq dengan melakukan zina maka tidaklah ia sekufu dengan perempuan baik yang terpelihara kehormatannya, sekalipun ia bertaubat, kerana bertaubat daripada zina tidak dapat menghapuskan malu dan namanya yang telah cacat itu. Kalau pula lelaki itu fasiq kerana minum arak, misalnya, atau kerana ia terkenal pendusta, kemudian ia bertaubat, maka setengah ulama

Shāfi'ī menghitungkan dia sekufu dengan perempuan yang soleh, dan setengahnya mengatakan tidak sekufu. Tetapi kalau perempuan itu fasiq maka sekufulah dia dengan lelaki yang fasiq, seperti lelaki pezina dengan perempuan lacur. Kalau ia bodoh pula maka tidak juga sekufu dengan perempuan yang bijak berakal.

**Kufu dalam kemerdekaan:** Kalau lelaki itu keturunan hamba orang maka tidaklah ia sekufu dengan perempuan keturunan merdeka.

**Kufu dalam pekerjaan:** Lelaki yang bekerja menjadi tukang sapu jalan atau tukang bekam, atau pun jaga (penjaga pintu) tidak sekufu dengan perempuan yang bapanya menjalankan kerja yang lebih mulia, seperti tukang jahit dan seterusnya.

Tentang kekayaan maka tidaklah terhitung dalam perkara kufu. Orang miskin adalah sekufu dengan anak perempuan hartawan.

Perkara kufu ini menjadi syarat bagi sah nikah apabila wali dan perempuan itu tidak reda. Kufu juga menjadi hak bagi perempuan dan hak bagi walinya. Kalau keduanya tidak bersetuju dengan bakal suami yang tidak cukup sifat-sifat kufu yang empat, yang tersebut tadi, maka akad nikah itu tidak sah. Kalau kedua-duanya reda maka tidaklah menghalang dari sahnya.

Selain daripada itu hukum kufu itu tertentu bagi perempuan dan keluarga perempuan, kerana pihak lelaki bebas berkahwin dengan sesiapa walaupun dengan perempuan yang tidak sekufu dengan dia.

#### **Hukum Kufu Menurut Mazhab Ḥanbali**

Menurut mazhab al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal, kufu itu terhimpun dalam lima perkara:

**Pertama** - keagamaan, iaitu yang fasiq tidak sekufu dengan perempuan yang soleh. Kerana lelaki yang fasiq itu tertolak daripada menjadi saksi

dan perbuatan yang fasiq itu menjadikan

dia kurang sifat kemanusiaannya.

**Kedua** - pekerjaan, lelaki yang menjalankan kerja yang rendah tarafnya tidak sekufu dengan perempuan yang keluarganya menjalankan kerja-kerja yang mulia tarafnya.

**Ketiga** - kekayaan, lelaki yang miskin tidak setaraf dengan perempuan hartawan.

**Keempat** - kemerdekaan, lelaki hamba orang tidak sekufu dengan perempuan keturunan merdeka.

**Kelima** - nasab keturunan, lelaki yang bukan Arab tidak sekufu dengan perempuan Arab.

Kalau wali perempuan itu mengkahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang tidak sekufu dan dengan tidak keredaannya, maka wali itu berdosa dan dengan perbuatannya itu ia menjadi fasiq.

Demikian hukum “kufu” di dalam Islam sebagaimana yang ditetapkan dan diamalkan oleh umat Islam yang terlingkung dalam mazhab-mazhab yang empat - Ḥanafī, Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī.

#### **Pendapat Orang-orang ‘Ittibā’ al-Sunnah**

Orang-orang ‘Ittibā’ al-Sunnah membantah adanya kufu pada nasab keturunan, mereka memandang manusia itu sama sahaja dan junjungan kita Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* dalam membawa agamanya adalah membawa persamaan - tidak melebihkan seseorang dengan seseorang. Lagi pun mereka berpendapat pada zaman Nabi telah pernah perempuan Banī Hāshim (Zaynab) dikahwinkan dengan Zayd bin Ḥārithah (kemudian bercerai) dan beberapa riwayat lagi beralasan ini mereka memandang bahawa tidak ada kelebihan di antara sesama manusia.

Hujah ini didasarkan mereka kepada firman Allah yang telah menjadikan manusia bersuku-suku dan berkaum-kaum supaya berkenalan di antara satu dengan lain sedang yang hampir kepada

Allah ialah taqwanya. Demikian juga hujah mereka diambil daripada sabda Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* mengatakan tidak ada kelebihan orang-orang Arab atas orang-orang ‘*ajam* melainkan dengan taqwanya.

Hujah-hujah ini tidak dibantah atau diadakan penyelidikan oleh ‘Ittibā’ al-Sunnah dan pihak yang tidak bermazhab.

Apabila diperhati kepada pengertian-pengertian empat mazhab maka timbullah perkara kufu yang bersekata mereka bahawa ilmu adalah melebihi daripada nasab keturunan. Adakah perkahwinan Zayd bin Ḥārithah itu dilangsungkan kerana kelebihan ilmu Zayd yang menjadikannya mendapat tempat yang teristimewa di sisi Rasulullah? Hal ini tidak tersebut, tetapi sejarah mengetahui dan menceritakan bahawa semenjak Nabi belum menjadi Rasul lagi Zayd telah bersama-samanya, telah dididik dan menjadikan sebab ia mendapat kelebihan terutamanya apabila Allah dan Rasul-Nya memilih (memuliakan) mereka kerana taqwanya. Tidakkah sebab taqwa itu ia dikahwinkan dan nasab ditinggalkan sekalipun keluarga Zaynab menunjukkan keenganannya?

Jadi perkara taqwa adalah melebihi daripada yang lainnya, menggugurkan hak-hak istimewa nasab dan ini dipegang oleh keempat-empat mazhab sedang pada nasab dipegang oleh tiga mazhab. Dengan itu bagaimanakah kedudukan hak-hak wali bagi orang yang ada nasabnya terhadap kepada anaknya yang hendak dikahwinkan dengan orang-orang yang tidak berilmu (taqwa) seperti kepada orang-orang yang berilmu tetapi ‘*asīy*. Terpulang kepada timbangan-timbangan kita mempertimbangkannya. Rasanya sampai di sini dahulu cukuplah.

---

---

#### **Untuk Wanita-wanita:**

1.	<b>Di Rumah Rasulullah</b>	<b>0.50</b>
2.	<b>Hukum Bersuci</b>	<b>0.40</b>
3.	<b>Hukum Haid Dan Nifas</b>	<b>0.50</b>

---

---